

Headline	<b>250 pelajar miskin terima bantuan sekolah</b>	Language	<b>Malay</b>
Date	<b>04 May 2011</b>	Page No	<b>26</b>
MediaTitle	<b>Harian Metro (Johor)</b>	Article Size	<b>74 cm<sup>2</sup></b>
Section	<b>News</b>	Color	<b>Black/white</b>
Journalist	<b>N/A</b>	ADValue	<b>729</b>
Frequency	<b>Daily</b>	PRValue	<b>2,187</b>
Circ / Read	<b>289,315 / 1,981,000</b>		



## **250 pelajar miskin terima bantuan sekolah**

**M**ERSING: Seramai 250 pelajar di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Endau di sini, menerima sumbangan persekolahan 2011 peringkat negeri anjuran Yayasan Taqwa dan Persekutuan Guru-guru Melayu Johor berjumlah RM321 setiap seorang, baru-baru ini.

Kesemua sumbangan berjumlah RM80,300 berkenaan dimasukkan ke dalam akaun Tabung Haji peserta program berkenaan.

Sumbangan disampaikan Naib Ketua Umno Bahagian Endau, A Latif Bandi dan turut dihadiri Pengurus Besar Yayasan Taqwa, Ahmad Ayob Ibrahim dan Guru Besar SK Mersing Kanan, Wahid Jonid.

A Latif dalam ucapannya

berterima kasih kepada Yayasan Taqwa dan Persekutuan Guru-guru Melayu Johor kerana prihatin dengan masalah pelajar yang kurang berkemampuan di daerah berkenaan.

"Kami harap sumbangan berkenaan dapat digunakan sebaik mungkin oleh pelajar seterusnya dijadikan pemangkin untuk berusaha keras bagi mengubah nasib keluarga menerusi pendidikan yang mereka terima," katanya.

Sementara itu, Ahmad berkata, setiap pelajar menerima sumbangan peralatan sekolah bernilai RM221 dan wang tunai RM100.

"Objektif program untuk memberikan galakan dan dorongan kepada pelajar," katanya.